

**Muhyiddin Ucap Takziah Kepada Keluarga Allahyarham Datuk Roslan
Bernama
4 Oktober, 2011**

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri Puan Sri Norainee Abdul Rahman merakamkan ucapan takziah kepada anggota keluarga Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) Johol, Negeri Sembilan, Datuk Roslan Md Yusof yang kembali ke rahmatullah Selasa.

Timbalan Perdana Menteri berkata Allahyarham adalah seorang pemimpin yang telah banyak berjasa kepada Negeri Sembilan khususnya di DUN Johol.

"Kehilangan Allahyarham bukan sahaja dialami oleh kaum keluarga beliau malah juga turut dirasakan oleh penduduk Johol.

"Semoga Allah memberikan kesabaran kepada keluarga Allahyarham dalam menghadapi kehilangan insan tersayang," katanya dalam kenyataan.

Roslan, 58, meninggal dunia kira-kira pukul 4.45 pagi selepas dimasukkan ke Hospital Tunku Ampuan Najihah, Seremban, untuk menerima rawatan selepas mengadu sesak nafas Isnin.

Allahyarham meninggalkan isteri Datin Zawayah Marzuki, 53, dan lapan orang anak, tiga lelaki dan lima perempuan berumur 28 hingga 17 tahun.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=617731>